

Newspaper	Berita Harian
Date	12/8/2014

# Umum senarai tambahan GST pada Bajet 2015

» *Buku panduan harga barang dikeluarkan Januari depan*

(BH-12/8/2014)

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**K**erajaan dijangka mengumumkan senarai barangan tambahan yang akan dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada kadar sifar pada pengumuman Bajet 2015.

Ketika ini, kerajaan sudah mengenal pasti satu pertiga daripada 944 barangan yang terdapat dalam kumpulan barangan indeks harga pengguna (IHP) dikenakan GST pada kadar sifar.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan, berkata senarai tambahan itu akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada pembentangan Bajet 2015 yang dijadualkan pada 10 Oktober ini.

*“Setakat ini tarikh pelaksanaan GST kekal pada 1 April 2015, sementara tarikh akhir pendaftaran wajib adalah 31 Disember ini”*

**Ahmad Maslan,**  
Timbalan Menteri  
Kewangan



Beliau berkata, buku panduan pengguna mengenai senarai harga barang yang dikenakan GST akan dikeluarkan pada Januari depan.

#### **Elak spekulasi harga**

“Buku panduan ini tidak boleh dikeluarkan awal bagi mengelakkan berlakunya spekulasi harga,” katanya pada sidang media selepas merasmikan se-

minar kesedaran GST anjuran Dewan Perniagaan dan Industri India Kuala Lumpur dan Selangor (KLSICCI), di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malay-sia, Datuk Seri Khazali Ahmad; Pengarah GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Datuk Subromaniam Tholasy; dan Presiden KLSICCI, Madhu

Sudan Nair.

Ahmad juga menegaskan kerajaan tidak akan menangguhkan tarikh pelaksanaan regim cukai baharu berkenaan iaitu pada 1 April 2015.

Justeru itu, katanya, syarikat yang layak mendaftarkan perniagaan mereka di bawah cukai baharu itu perlu berbuat demikian sebelum 31 Disember ini.

“Setakat ini tarikh pelaksanaan GST kekal pada 1 April 2015, sementara tarikh akhir pendaftaran wajib adalah 31 Disember ini,” katanya.

Beliau berkata, syarikat perusahan kecil dan sederhana (PKS) yang mendaftar juga layak menerima e-baucer GST bernilai RM1,000 untuk pembelian atau menaik taraf perisian perakaunan mereka.

Dalam pada itu, Ahmad berkata, kerajaan akan mengambil tindakan kepada pihak yang mengeluarkan iklan yang mengelirukan berkaitan GST.

Katanya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bertanggungjawab untuk mengambil tindakan berkenaan.